

Jika Cuepacs langgar batasan Kerajaan akan bertindak: Mahathir

BH 30 SEP 1985

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan tindakan akan diambil terhadap Cuepacs jika berlaku perbuatan yang menyalahi undang-undang sewaktu kongres itu mengadakan piket dan mogok dalam menuntut palarasan gaji.

Datuk Seri Dr Mahathir, bagaimanapun, berkata kesatuan sekerja berhak melakukan sebarang tindakan, termasuk melancarkan mogok, selagi ia tidak me-

langgar undang-undang.

"Tetapi jika dalam proses melakukan piket atau mogok itu ada ahli kesatuan sekerja melanggar undang-undang atau berlaku kekacauan dalam perkhidmatan awam, kerajaan akan bertindak.

"Oleh itu, mereka hendaklah berhati-hati bagi

menjamin tindakan yang diambil itu tidak terkeluar daripada hak yang mereka perolehi," katanya kepada pembekita selepas menutup Perhimpunan Agung Umno ke-36 hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mengugut sesiapa dalam soal itu, tetapi menjelaskan kemampuan

kerajaan dalam memenuhi tuntutan mereka.

Menurutnya, kesatuan sekerja berhak mengambil sebarang tindakan yang mereka mahukan, termasuk melumpuhkan ekonomi negara, selagi tidak melanggar undang-undang.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan bersedia berunding sekiranya ugutan itu dihentikan, termasuk menarik balik rancangan untuk mengadakan piket dan mogok.

Mengenai sokongan Pas terhadap kenyataannya berhubung isu itu, beliau berkata, "Saya bangga dengan sokongan Pas itu. Tetapi kita bukan sahaja mengharapkan sokongan pemimpin Pas, malah pemimpin kesatuan sekerja".



PERHIMPUNAN
AGUNG
UMNO KE-36